

## Ilmu dan latihan kunci kejayaan wanita

ALOR SETAR, Jumaat — Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah berkata, kemampuan adalah kunci kejayaan dan pencapaian wanita di dalam apa jua lapangan.

Katanya, kemampuan seseorang itu bergantung kepada pelajaran, pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan lebih-lebih lagi kesungguhan untuk mencapai kejayaan.

"Pelajaran dan latihan sebagai satu aspek yang dapat meningkatkan kemampuan memainkan peranan penting di dalam berbagai bidang dan lapangan," katanya ketika berucap merasmikan seminar penyertaan dan peranan wanita dalam pembangunan negeri Kedah di Taplan Gelanggang di sini.

Tambahnya, pelajaran dan latihan menjadi faktor penting yang membezakan antara masyarakat mundur dengan masyarakat maju dan antara masyarakat lemah dengan masyarakat kuat.

Beliau berkata, penglibatan wanita dalam pembangunan tidak akan dapat memenuhi kehendak pembangunan itu sendiri sekiranya kemajuan sosio-ekonomi wanita diasaskan kepada keperluan ekonomi dan material sahaja.

"Penglibatan wanita dalam pembangunan mestilah mengambil kira kaitannya dengan kerohanian dan moral," katanya.